



## KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

### KENYATAAN MEDIA

#### **KEPUTUSAN PERMOHONAN BAGI KEMASUKAN KE UNIVERSITI AWAM (UA), POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI (KK) DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA) SESI AKADEMIK 2022/2023 BAGI PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM**

---

Sukacita dimaklumkan bahawa keputusan permohonan melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) peringkat Sijil, Asasi dan Diploma Sesi Akademik 2022/2023 bagi Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diumumkan pada **22 Julai 2022**.

Keputusan boleh disemak secara dalam talian mulai **22 Julai 2022, jam 12.00 tengah hari hingga 31 Julai 2022, jam 5.00 petang** melalui pautan berikut:

- i. <https://jpt.utm.my>;
- ii. <http://jpt.uum.edu.my>;
- iii. <https://jpt.unimas.my>;
- iv. <http://jpt.ums.edu.my>;
- v. <https://jpt.umt.edu.my>;

atau melalui Aplikasi Mobile UPUPocket di telefon pintar.

Pengesahan setuju terima tawaran dan surat tawaran boleh dicetak mulai **23 Julai hingga 31 Julai 2022** di laman web Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan ILKA. Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan oleh IPTA dan ILKA kepada yang berjaya mulai **23 Julai 2022** setelah calon membuat pengesahan setuju terima tawaran dalam tempoh yang dinyatakan.

Sehubungan itu, hanya pemohon yang gagal mendapat tawaran program pengajian sahaja boleh mengemukakan permohonan rayuan melalui UPU<sup>®</sup>online bagi kemasukan ke UA dan Politeknik di <https://upu.mohe.gov.my> dalam tempoh **10 hari mulai 22 Julai 2022, jam**

**12.00 tengah hari sehingga 31 Julai 2022, jam 5.00 petang.** Rayuan ke Kolej Komuniti dan ILKA boleh dimajukan terus ke institusi berkenaan tanpa melalui UPUOnline .

Tawaran tempat bagi sesi akademik 2022/2023 adalah muktamad dan sebarang permohonan pertukaran program pengajian dan IPTA/ILKA tidak dibenarkan. Dasar pemilihan RAYUAN adalah tertakluk kepada kekosongan tempat yang ditawarkan mengikut program pengajian selepas pendaftaran pelajar baharu selesai dilaksanakan.

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi:

**No. Telefon: 03 – 8870 8200**

**Emel : [upu@mohe.gov.my](mailto:upu@mohe.gov.my)**

**Laman Sosial Facebook : KEMASUKAN BPKP JPT**

**Instagram : @KEMASUKANBkpa**

**Sistem Maklum Balas : <https://jpt.mohe.gov.my/maklumbalas/>**

**UPUChat: <http://upu-chat.ml/UPUChat/>**

**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**21 Julai 2022**